

# Sindiket seludup rokok RM16j lumpuh

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan sindiket penyeludupan rokok rentas sempadan dengan rampasan bernilai RM16.74 juta termasuk cukai selepas menahan dua kontena di Pelabuhan Labuan dekat Sabah, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Pengarahnya (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Johari Alifiah berkata, pemeriksaan ke atas kontena itu menemukan sejumlah rokok berjenama disyaki barang larangan atau barang belum dilulus-

kan jabatan berkenaan.

“Kedua-dua kontena tersebut tiba di Pelabuhan Labuan pada 9 Julai lalu. Pemeriksaan mendapati dagangan di dalam dua kontena tersebut diikrur sebagai rokok dan diimport dari salah sebuah negara jiran.

“Siasatan awal mendapati syarikat terbabit tidak memiliki lesen import,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Johari berkata, jumlah barang rampasan dianggarkan bernilai RM2.24 juta manakala anggaran cukai sebanyak RM14.5 juta.

Katanya, seorang ejen JKDM disyaki terlibat menguruskan

pengikruran dagangan barang di dalam kontena tersebut dan beberapa individu lain dikesan bagi membantu siasatan.

“Kes disiasat di bawah Akta Kastam 1967 dan Peraturan-Peraturan Kastam 2019 di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.

“Sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang 10 kali nilai barangan atau RM100,000, atau 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar, atau dipenjara tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.



**SEBAHAGIAN** daripada rokok yang dirampas di Pelabuhan Labuan dekat Sabah, baru-baru ini.